

05 FEB 1999

Kemboja-Senat

PENUBUHAN SENAT ADALAH HAL EHWAL DALAMAN KEMBOJA, KATA HUN SEN

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Hun Sen hari ini berkata penubuhan senat Kemboja, satu syarat yang ditetapkan oleh Asean bagi kemasukan Kemboja ke kumpulan sembilan negara anggota itu, adalah hal ehwal dalaman negaranya.

"Penubuhan senat itu bukan untuk menyenangkan hati Asean tetapi untuk menggembirakan hati rakyat Kemboja," katanya pada sesi soal jawab selepas memberikan ceramah mengenai "Kemboja: Ke Arah Masa Depan Yang Baru" pada satu majlis yang dianjurkan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, di sini.

Hun Sen, yang tidak memberikan tempoh tertentu bilakah senat itu akan ditubuhkan, berkata secara bergurau: "Jika menubuhkan satu senat seperti membuka satu kelab hiburan, ia hanya mengambil masa kira-kira lima jam."

Katanya desakan Asean bahawa Kemboja sepatutnya menubuhkan senat sebelum menyertai kelab eksklusif serantau itu mungkin dilihat oleh sesetengah orang sebagai campurtangan dalam hal ehwal negara lain.

Prinsip tidak campurtangan adalah satu-satunya perkara yang menjadi sebab utama Kemboja tertarik dengan Asean, katanya.

Pada sidang kemuncak Asean di Hanoi September lepas, pemimpin-pemimpin Asean bersetuju pada dasarnya untuk menerima masuk Kemboja sebagai anggota ke-10 kumpulan itu dengan syarat negara itu memenuhi keperluan yang ditetapkan.

Mereka telah mengarahkan menteri luar masing-masing untuk menyusun satu upacara khas bagi menerima masuk Kemboja pada satu masa yang sesuai dalam jangka waktu terdekat dan juga memutuskan bahawa upacara yang dicadangkan itu diadakan di ibu negara Vietnam itu.

Sesetengah anggota Asean mendesak agar Kemboja memenuhi syarat itu bagi kerajaan campuran yang baru, termasuk pengwujudan senat, sebelum ia menyertai Asean.

Hun Sen, yang menjadi Perdana Menteri pada November tahun lepas, menyifatkan lawatan beliau ke Malaysia sebagai "amat penting".

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberikan banyak perhatian kepada Kemboja dan sokongan yang diberikan Malaysia terhadap negaranya mempunyai nilai politik yang tinggi.

Terdahulu, ketika berucap Hun Sen berkata pembangunan dan ekonomi merupakan perkara diberi keutamaan kerajaannya serta merupakan aspirasi utama rakyat Kemboja secara keseluruhannya.

Katanya kembalinya pembelot dan bekas ketua negara regim Khmer Rouge, Khieu Samphan, dan bekas Presiden Perhimpunan Kebangsaan Nuon Chea, yang ke pangkuan negara menunjukkan bahawa perdamaian kebangsaan telah sampai ke peringkat akhir.

Semasa pemerintahan regim Khmer Rouge yang kejam itu pada 1975 hingga 1979, lebih tiga juta rakyat Kemboja mati akibat kebuluran, buruh paksa dan pembunuhan.

"Kekejaman itu telah berakhir dan satu era baru telah pun bermula di Kemboja, Keputusan pilihan raya pada Julai 1998 adalah hasil daripada demokrasi, kejayaan yang dihasilkan oleh kerja keras rakyat Kemboja menurut kemahuan mereka sendiri," katanya.

Hun Sen akan mengakhiri lawatan rasmi tiga hari beliau ke Malaysia esok.

-- BERNAMA

MAM/AHH RHM RON